

02/10/1998

Polis tidak perlu lapor kepada menteri

Jamhariah Jaafar; Karim Mustafa; Ahmad Nazri Mohd; Johnny Giles Senin
KUALA LUMPUR, Khamis - Polis berhak menahan seseorang mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) selama 30 hari, tanpa memaklukkannya kepada Menteri Dalam Negeri.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Rahim Noor, berkata polis hanya perlu melaporkan kepada Menteri Dalam Negeri jika ada kes hasil daripada siasatan yang dijalankan dalam tempoh itu.

"Sudah tentu kita akan merujuk kepada menteri (Menteri Dalam Negeri). Hanya selepas siasatan dan ada kes, kita akan rujuk kepada Seksyen 8 akta yang sama," katanya di sini hari ini.

Mengikut Seksyen 8 akta berkenaan, Menteri Dalam Negeri jika berpuas hati dengan laporan siasatan polis, boleh mengarahkan supaya seseorang itu ditahan bagi tempoh tidak lebih dua tahun.

Beliau mengulas mengenai peruntukan kuasa-kuasa polis ketika menahan Datuk Seri Anwar Ibrahim mengikut ISA, tanpa merujuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Menteri Dalam Negeri.

Mengikut Seksyen 73 akta yang sama, polis juga tidak perlu memberitahu Menteri Dalam Negeri setiap peringkat siasatan dan tindakan yang diambil terhadap orang yang ditahan.

Sebaliknya, Menteri Dalam Negeri hanya perlu dimaklumkan sekiranya penahanan itu melebihi 30 hari.

Artikel 73 (3) (c) akta itu menyatakan: "Seseorang (orang yang ditangkap) tidak boleh ditahan lebih daripada 30 hari melainkan pegawai polis yang berpangkat deputy superintendan atau lebih tinggi sudah melaporkan keadaan tangkapan dan penahanan kepada KPN atau pegawai polis yang dinamakan oleh KPN yang akan mengemukakan laporan yang sama kepada menteri."

Sementara itu, bekas Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Dr Rais Yatim, berkata di dalam tempoh 30 hari, terpulang kepada budi bicara polis sama ada perlu memaklumkan sebarang maklumat kepada Menteri Dalam Negeri atau tidak.

"Polis tidak semestinya memberitahu semua hal pada Menteri Dalam Negeri dalam tempoh berkenaan," katanya di sini hari ini.

Rais berkata, apabila seseorang itu ditangkap di bawah Seksyen 73 akta itu seperti Anwar, adalah menjadi tugas polis untuk menjalankan siasatan penuh dan menyeluruh ke atas beliau, biarpun Menteri Dalam Negeri boleh memohon maklumat pada sebarang masa sebelum tamat tempoh itu.

Mengenai dakwaan Anwar yang beliau dcederakan pihak polis, Dr Rais berkata memang ada arahan bahawa polis tidak boleh menyentuh tubuh orang yang ditahan.

"Apa lagi hendak membelasah, memang tidak dibenarkan sama sekali kerana ia (tahanan ISA) bukanlah jenayah berdaftar atau berjadual," katanya yang menjadi Timbalan Dalam Menteri pada 1976 hingga 1978.

Sebuah akhbar asing, The International Herald Tribune, hari ini melaporkan seorang pembantu Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dipetik sebagai berkata Perdana Menteri tidak tahu dan 'marah' bila mengetahui kejadian itu.

Dr Rais berkata, ketika menjadi Timbalan Menteri Dalam Negeri, memang ada beberapa kes orang yang ditahan mengikut ISA, melagakan muka ke lutut sendiri kerana tekanan jiwa.

"Melalui pengalaman saya, ini adalah satu cara paling popular dilakukan tahanan iaitu mencederakan diri sendiri kerana ingin meraih perhatian

orang ramai atau pihak berkuasa, kononnya dcederakan oleh pihak polis.
"Bukan kita mengatakan Anwar begitu, tetapi hal ini pernah berlaku.
Polis perlu membuat penyiasatan terperinci bagaimana kejadian itu boleh
berlaku," katanya.

(END)